

Bil. S 41

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

**PERINTAH DARURAT (PERAMPASAN DAN PERLINDUNGAN
PESAWAT TERBANG), 2000**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Perampasan dan Perlindungan Pesawat Terbang), 2000.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk menguatkuasakan Konvensyen bagi Penumpasan Rampasan Pesawat Terbang Yang Menyalahi Undang-Undang yang telah ditandatangani di The Hague pada 16 haribulan Disember, 1970 dan Konvensyen bagi Penumpasan Perbuatan-Perbuatan Yang Menyalahi Undang-Undang terhadap Keselamatan Penerbangan Awam yang telah ditandatangani di Montreal pada 23 haribulan September, 1971, dan bagi maksud-maksud yang berhubung dengannya".

Tafsiran.

2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"perbuatan keganasan" bermakna —

(a) sebarang perbuatan yang dilakukan di Negara Brunei Darussalam yang menjadi kesalahan membunuh, percubaan membunuh, kesalahan mematikan orang dengan salah, dengan sengaja menyebabkan cedera parah atau dengan sengaja menyebabkan cedera dengan menggunakan senjata atau alat berbahaya; dan

(b) sebarang perbuatan yang dilakukan di luar Negara Brunei Darussalam yang, jika dilakukan di Negara Brunei Darussalam, akan menjadi suatu kesalahan yang disebutkan dalam perenggan (a);

"mendarat" termasuk mendarat di atas air;

"perkhidmatan tentera" termasuk perkhidmatan tentera laut dan udara;

"menyalahi undang-undang", berkenaan dengan berlakunya sesuatu perbuatan —

(a) di Negara Brunei Darussalam, bermakna suatu kesalahan yang (selain dari Perintah ini) terdapat di bawah sebarang undang-undang yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam; dan

(b) di luar Negara Brunei Darussalam, bermakna berlakunya perbuatan yang akan (selain dari Perintah ini) menjadi suatu kesalahan di bawah sebarang undang-undang yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam sekiranya ia dilakukan di Negara Brunei Darussalam.

(2) Bagi maksud-maksud Perintah ini —

(a) tempoh sesebuah pesawat terbang dalam penerbangan hendaklah dianggap termasuk sebarang tempoh sebaik sahaja semua pintu luarnya, jika ada, ditutup setelah menaikinya untuk suatu penerbangan sehingga pada saat apabila pintu tersebut dibuka untuk turun selepas penerbangan itu dan, dalam hal suatu pendaratan paksa, sebarang tempoh selepas itu sehingga masa apabila pihak berkuasa yang layak negara di mana pendaratan paksa itu dibuat mengambil alih tanggungjawab terhadap pesawat terbang tersebut dan orang-orang dan harta di dalam pesawat terbang tersebut; dan

(b) sesebuah pesawat terbang hendaklah dianggap sebagai dalam perkhidmatan pada keseluruhan tempoh yang bermula dari persediaan sebelum penerbangan pesawat terbang tersebut untuk suatu penerbangan dan berakhir 24 jam selepas pesawat terbang tersebut mendarat setelah menamatkan penerbangan itu, dan juga pada bila-bila masa (tidak termasuk di dalam tempoh itu) ketika, menurut perenggan (a), pesawat terbang tersebut dalam penerbangan.

Perampasan.

3. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), seseorang yang berada di dalam sesebuah pesawat terbang dalam penerbangan, dengan menggunakan kekerasan atau sebarang jenis ancaman, yang merampas dengan menyalahi undang-undang pesawat terbang tersebut atau menjalankan kawalannya melakukan kesalahan perampasan, walau apa pun kerakyatannya, walau apa pun negara di mana pesawat terbang itu didaftarkan dan sama ada pesawat terbang itu berada di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain.

(2) Jika pesawat terbang tersebut digunakan dalam perkhidmatan tentera, kastam atau polis, ceraian (1) tidaklah boleh dikenakan melainkan jika —

- (a) orang yang merampas atau menjalankan kawalan pesawat terbang itu adalah seorang rakyat Negara Brunei Darussalam;
- (b) perbuatannya dilakukan di dalam atau di atas ruang udara Negara Brunei Darussalam; atau
- (c) pesawat terbang itu digunakan dalam perkhidmatan tentera, kastam atau polis Negara Brunei Darussalam.

(3) Seseorang yang melakukan kesalahan perampasan adalah melakukan suatu kesalahan.

Keganasan terhadap penumpang-penumpang atau krew.

4. Sebarang perbuatan keganasan terhadap mana-mana penumpang atau anggota krew mana-mana pesawat terbang dalam penerbangan yang dilakukan oleh mana-mana orang berhubung dengan kesalahan perampasan yang dilakukan atau cuba dilakukannya di dalam pesawat terbang itu hendaklah dianggap telah dilakukan di Negara Brunei Darussalam dan hendaklah menjadi suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam yang boleh dikenakan kepadanya, di mana sahaja perbuatan keganasan itu dilakukan, walau apa pun kerakyatan pesalah tersebut dan walau apa pun negara di mana pesawat terbang itu didaftarkan.

Memusnahkan, merosakkan atau membahayakan keselamatan pesawat terbang.

5. (1) Tertakluk kepada ceraian (4), mana-mana orang yang dengan menyalahi undang-undang dan dengan sengaja —

- (a) memusnahkan sesebuah pesawat terbang dalam perkhidmatan atau merosakkan pesawat terbang tersebut sehingga menyebabkannya tidak boleh melakukan penerbangan atau sehingga mungkin membahayakan keselamatannya dalam penerbangan; atau
- (b) melakukan di dalam sesebuah pesawat terbang dalam penerbangan sebarang perbuatan keganasan yang mungkin membahayakan keselamatan pesawat terbang tersebut,

adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Tertakluk kepada ceraian (4), mana-mana orang yang dengan menyalahi undang-undang dan dengan sengaja meletakkan atau menyebabkan untuk diletakkan di dalam sesebuah pesawat terbang dalam perkhidmatan sebarang alat atau bahan yang mungkin memusnahkan pesawat terbang tersebut atau mungkin

merosakkannya sehingga menyebabkannya tidak boleh melakukan penerbangan atau sehingga mungkin membahayakan keselamatannya dalam penerbangan adalah melakukan suatu kesalahan; tetapi tiada sebarang apa pun dalam ceraian ini boleh ditafsirkan sebagai menghadkan hal keadaan bagaimana berlakunya sebarang perbuatan —

- (a) boleh menjadi suatu kesalahan di bawah ceraian (1); atau
- (b) boleh menjadi percubaan atau komplot untuk melakukan atau bersubahat untuk melakukan kesalahan tersebut.

(3) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh ceraian (4), ceraian-ceraian (1) dan (2) hendaklah dikenakan sama ada sebarang perbuatan yang disebutkan di dalamnya dilakukan di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain, walau apa pun kerakyatan orang yang melakukan perbuatan tersebut dan walau apa pun negara di mana pesawat terbang tersebut didaftarkan.

(4) Ceraian-ceraian (1) dan (2) tidaklah boleh dikenakan kepada sebarang perbuatan yang dilakukan berkenaan dengan sesebuah pesawat terbang yang digunakan dalam perkhidmatan tentera, kastam atau polis melainkan jika —

- (a) perbuatan tersebut dilakukan di dalam atau di atas ruang udara Negara Brunei Darussalam; atau
- (b) jika perbuatan tersebut dilakukan di luar Negara Brunei Darussalam, orang yang melakukan perbuatan tersebut adalah seorang rakyat Negara Brunei Darussalam.

Perbuatan-perbuatan lain yang membahayakan atau mungkin membahayakan keselamatan pesawat terbang.

6. (1) Tertakluk kepada ceraian-ceraian (5) dan (6), mana-mana orang yang dengan menyalahi undang-undang dan dengan sengaja memusnahkan atau merosakkan sebarang harta yang dikenakan bab ini atau mengganggu pengendalian harta tersebut, jika kemusnahannya, kerosakan atau gangguan tersebut mungkin membahayakan keselamatan pesawat terbang dalam penerbangan, adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Ceraian (1) hendaklah dikenakan kepada sebarang harta yang digunakan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan perjalanan udara, termasuk mana-mana tanah, bangunan atau kapal yang digunakan demikian, dan sebarang alat atau kelengkapan yang digunakan demikian, sama ada ia berada di dalam sesebuah pesawat terbang atau di tempat lain.

(3) Tertakluk kepada ceraian-ceraian (4) dan (5), mana-mana orang yang dengan sengaja menyampaikan sebarang maklumat yang palsu, mengelirukan atau memperdayakan dalam sesuatu butir mustahak, jika penyampaian maklumat

tersebut membahayakan keselamatan sesebuah pesawat terbang dalam penerbangan atau mungkin membahayakan keselamatan sesebuah pesawat terbang dalam penerbangan, adalah melakukan suatu kesalahan.

(4) Adalah menjadi suatu pembelaan bagi seseorang yang dituduh melakukan suatu kesalahan di bawah ceraian (3) untuk membuktikan —

- (a) bahawa dia percaya, dan mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai, bahawa maklumat tersebut adalah benar; atau
- (b) bahawa, apabila dia menyampaikan maklumat tersebut, dia diambil bekerja secara sah untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan yang mengandungi atau termasuk menyampaikan maklumat dan bahawa dia menyampaikan maklumat tersebut dengan suci hati dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan tersebut.

(5) Ceraian-ceraian (1) dan (3) tidaklah boleh dikenakan kepada berlakunya sebarang perbuatan melainkan jika sama ada perbuatan tersebut dilakukan di Negara Brunei Darussalam atau, jika perbuatan tersebut dilakukan di luar Negara Brunei Darussalam —

- (a) orang yang melakukan perbuatan tersebut adalah seorang rakyat Negara Brunei Darussalam;
- (b) berlakunya perbuatan tersebut membahayakan atau mungkin membahayakan keselamatan dalam penerbangan sesebuah pesawat terbang awam yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam atau yang dicarterkan dengan demis kepada seseorang yang, atau kepada orang-orang yang masing-masing, bermastautin atau mempunyai tempat perniagaannya yang utama di Negara Brunei Darussalam;
- (c) perbuatan tersebut dilakukan di dalam sesebuah pesawat terbang awam yang berdaftar atau dicarterkan demikian; atau
- (d) perbuatan tersebut dilakukan di dalam sesebuah pesawat terbang awam yang mendarat di Negara Brunei Darussalam bersama dengan orang yang melakukan perbuatan tersebut masih berada di dalamnya.

(6) Ceraian (1) tidaklah boleh dikenakan kepada sebarang perbuatan yang dilakukan di luar Negara Brunei Darussalam dan dilakukan berkenaan dengan harta yang terletak di luar Negara Brunei Darussalam dan tidak digunakan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan perjalanan udara berhubung dengan perjalanan udara antarabangsa, melainkan jika orang yang melakukan perbuatan tersebut adalah seorang rakyat Negara Brunei Darussalam.

(7) Dalam bab ini, "pesawat terbang awam" bermakna mana-mana pesawat terbang selain dari sesebuah pesawat terbang yang digunakan dalam perkhidmatan tentera, kastam atau polis.

Bersubahat melakukan perbuatan-perbuatan di luar Negara Brunei Darussalam.

7. Mana-mana orang di Negara Brunei Darussalam yang bersubahat melakukan sebarang perbuatan di tempat lain yang —

- (a) akan, jika tidak kerana ceraian (2) bab 3, menjadi kesalahan perampasan;
- (b) akan, jika tidak kerana ceraian (4) bab 5, menjadi kesalahan di bawah bab itu; atau
- (c) akan, jika tidak kerana ceraian-ceraian (5) atau (6) bab 6, menjadi kesalahan di bawah bab itu,

adalah melakukan suatu kesalahan.

Hukuman.

8. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini boleh apabila sabit kesalahan dihukum penjara seumur hidup.

Persetujuan untuk mendakwa.

9. (1) Tiada pendakwaan boleh dimulakan di bawah Perintah ini tanpa persetujuan bertulis daripada Pendakwa Raya.

(2) Walaupun persetujuan belum diberikan berkenaan dengan kesalahan menurut ceraian (1) —

- (a) seseorang boleh ditangkap atas suatu kesalahan di bawah Perintah ini;
- (b) suatu waran untuk menangkap mana-mana orang berkaitan dengan sebarang kesalahan di bawah Perintah ini boleh dikeluarkan dan dilaksanakan;
- (c) seseorang boleh dituduh melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini; dan
- (d) seseorang yang dituduh melakukan sebarang kesalahan di bawah Perintah ini boleh ditahan dalam kurungan atau diikat jamin,

tetapi langkah-langkah lanjut dalam prosiding berkenaan dengan kesalahan tersebut tidaklah boleh diambil sehingga persetujuan Pendakwa Raya telah diperolehi.

Extradisi.

10. (1) Kesalahan-kesalahan di bawah Perintah ini dan percubaan-percubaan untuk melakukan kesalahan-kesalahan tersebut hendaklah dianggap termasuk dalam senarai jenayah-jenayah extradisi yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta Extradisi (Penggal 8).

(2) Jika tiada triti extradisi berkuatkuasa di antara Negara Brunei Darussalam dan sesebuah negara yang menjadi suatu pihak kepada Konvensyen, suatu kenyataan dalam *Warta Kerajaan* di bawah bab 4 dari Akta Extradisi boleh dibuat dengan mengenakan Akta itu seolah-olah Konvensyen adalah suatu triti extradisi di antara Negara Brunei Darussalam dan negara itu; tetapi jika Akta Extradisi dikenakan, ia hendaklah berkuatkuasa seolah-olah jenayah-jenayah extradisi sahaja dalam makna Akta tersebut adalah kesalahan-kesalahan di bawah Perintah ini dan percubaan-percubaan untuk melakukan kesalahan-kesalahan tersebut.

(3) Bagi maksud-maksud Akta Extradisi, sebarang perbuatan, di mana sahaja dilakukan, yang —

- (a) merupakan suatu kesalahan di bawah Perintah ini atau suatu percubaan untuk melakukan kesalahan tersebut, atau akan menjadi kesalahan tersebut atau percubaan untuk melakukannya jika tidak kerana ceraian (2) bab 3, ceraian (4) bab 5, ceraian-ceraian (5) dan (6) bab (6); dan
- (b) merupakan suatu kesalahan terhadap undang-undang mana-mana negara dalam hal tersebut Akta Extradisi telah dikenakan dengan suatu kenyataan dalam *Warta Kerajaan* yang dibuat di bawah bab 4 dari Akta itu,

hendaklah dianggap sebagai suatu kesalahan dalam bidang kuasa negara tersebut.

(4) Dalam bab ini, "Konvensyen" bermakna Konvensyen bagi Penumpasan Rampasan Pesawat Terbang yang Menyalahi Undang-Undang yang telah ditandatangani di The Hague pada 16 haribulan Disember, 1970 atau (mengikut mana yang berkenaan) Konvensyen bagi Penumpasan Perbuatan-Perbuatan Yang Menyalahi Undang-Undang terhadap Keselamatan Penerbangan Awam yang telah ditandatangani di Montreal pada 23 haribulan September, 1971.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pindaan Penggal 113.

11. Jadual kepada Akta Perjalanan Udara adalah dipinda dengan memotong yang berikut –

"S1 1971 No. 1739	The Hijacking Act 1971 (Overseas Territories) Order, 1971.	The whole	—".
----------------------	--	-----------	-----

Diperbuat pada hari ini 20 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1421 bersamaan dengan 24 haribulan Mei, 2000 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**